

3757/1
EKONOMI ASAS
Kertas 1
2016
1 ¼ jam

Nama :

Tingkatan :



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
SPM 2016

EKONOMI ASAS
TINGKATAN 5

Kertas 1
Masa: 1 Jam 15 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A,B,C,D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

- 1 Antara yang berikut, yang manakah menepati maksud ekonomi?
- A Puan Amy ingin membeli sebuah kereta mewah tetapi kekurangan modal.
 - B Syarikat A ingin mengeluarkan dua jenis barang tetapi kekurangan buruh.
 - C Encik Azmi ingin membeli baju dan seluar tetapi tidak mempunyai saiz yang sesuai.
 - D Kerajaan X ingin membina hospital dan sekolah secara serentak tetapi kekurangan pendapatan
- 2 Dato Jaylan ialah seorang jutawan kosmetik yang terkenal. Apakah motif beliau membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah ekonomi?
- A Memaksimum kepuasan
 - B Mengutamakan keselesaan
 - C Memaksimumkan perbelanjaan
 - D Mengutamakan barang kehendak

- 3 Pernyataan dibawah berkaitan dengan sumber ekonomi

Memberi sumbangan produktif sama ada berbentuk fizikal atau berbentuk mental

Sumber ekonomi tersebut ialah

- A Modal
 - B Tanah
 - C Buruh
 - D Usahawan
- 4 Syarikat DSV Enterprise bercadang untuk mengeluarkan pemakanan kesihatan yang menggunakan peralatan moden yang dimport sepenuhnya. Syarikat ini bercadang mengeluarkan 50 000 botol jus madu sebagai permulaan. Apakah faktor lain yang perlu dipertimbangkan.
- A Apakah yang hendak dikeluarkan
 - B Berapa yang hendak dikeluarkan
 - C Bagaimana hendak dikeluarkan
 - D Untuk siapa dikeluarkan

- 5 Bagaimanakah kerajaan campur tangan bagi menyelesaikan masalah apakah yang hendak dikeluarkan di Malaysia.
- A Mengeluarkan barang awam
 - B Mengawal tingkat harga barang
 - C Menghadkan pengeluaran lesen perniagaan
 - D Menggalakkan penggunaan teknologi moden
- 6 Sistem ekonomi Amerika Syarikat menyelesaikan masalah bagaimana barangan hendak dikeluarkan melalui
- A Kaedah persaingan antara firma dan juga kerajaan
 - B Kaedah meningkatkan permintaan dan penawaran
 - C Kaedah pengeluaran yang ditentukan oleh kerajaan
 - D Kaedah pengeluaran paling cekap dan meminimumkan kos
- 7 Berikut adalah jenis pekerjaan yang terdapat dalam sektor ketiga.
- A Jurutera
 - B Jurubina
 - C Jururawat
 - D Jurukimpal
- 8 Antara faktor-faktor yang berikut, manakah yang dapat membezakan upah antara seorang individu dengan individu yang lain?
- I Minat
 - II Kelayakan
 - III Pengalaman
 - IV Pengaruh keluarga
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 9 Antara berikut yang manakah merupakan bayaran pindahan?
- A Bonus yang diterima oleh pekerja bank
 - B Komisen yang diterima oleh seorang jurujual
 - C Untung yang diterima oleh seorang usahawan
 - D Biasiswa kecil persekutan yang diterima murid sekolah
- 10 Mengapakah cukai pendapatan yang dikenakan kepada individu dikatakan sebagai cukai langsung?
- A Beban cukai secara langsung dapat dipindahkan kepada orang lain
 - B Cukai yang dikenakan adalah berkadar langsung dengan tingkat pendapatan
 - C Beban cukai ini mesti dibayar oleh orang yang dikenakan cukai dan tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
 - D Cukai ini dikenakan secara langsung kepada seseorang pengguna yang membeli sesuatu barang – barang yang dikenakan cukai
- 11 Maklumat dibawah berkaitan dengan pendapatan seorang individu

Encik Hafiz ialah seorang pegawai di sebuah syarikat swasta. Gaji bulanan beliau ialah RM 5,500. Beliau mempunyai lima orang anak yang masih bersekolah dan seorang isteri yang tidak bekerja. Pada setiap bulan beliau mencarum sebanyak 11% daripada pendapatan bulanannya dalam KWSP dan membayar RM 150 untuk premium insurans pendidikan. Beliau juga menanggung kos perubatan ibunya sebanyak RM 400 dan membayar ansuran kereta sebanyak RM 720.

Berdasarkan maklumat di atas, hitungkan pelepasan cukai Encik Hafiz.

- A RM15 550
- B RM16 155
- C RM16 875
- D RM16 985

- 12 Manakah susunan langkah penyediaan belanjawan peribadi yang baik?
- I menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
 - II mencatat semua perbelanjaan yang dibuat
 - III kenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
 - IV imbangkan pendapatan boleh guna dengan jumlah perbelanjaan
- A I,II,III dan IV
B IV,I,II dan III
C II,III,I dan IV
D III,II,I dan IV
- 13 Maklumat berikut menunjukkan beberapa kenyataan.

- . Membeli barang tahan lama
- . Memulakan perniagaan
- . Membiayai perbelanjaan pendidikan

Penyataan di atas berkaitan dengan tujuan

- A melabur
- B menabung
- C meminjam
- D mengguna barang



Gambar 1

- 14 Gambar 1 di atas menunjukkan simpanan yang akan dibuat oleh Puan Rashidah dan anaknya. Berdasarkan gambarajah di atas, apakah tujuan beliau dan anaknya menyimpan?
- A membeli barangan keperluan harian
 B menambahkan modal perniagaan
 C mengurangkan bayaran cukai pendapatan
 D membeli barangan seperti rumah dan kereta

- 15 Pasangan yang manakah benar tentang tabungan dan pelaburan

	Tabungan	Pelaburan
A	berisiko	Kurang berisiko
B	Kadar faedah rendah	Kadar faedah tinggi
C	Kurang cair	Mudah cair
D	Mengantikan barang modal	Memenuhi cita - cita tertentu


- 16 Berdasarkan maklumat dalam jadual permintaan di bawah, yang manakah selaras dengan hukum permintaan.

	Harga asal (RM)	Kuantiti permintaan asal (unit)	Harga baru (RM)	Kuantiti permintaan baru (unit)
A	2	100	3	80
B	4	100	4.5	120
C	5	120	3	80
D	4	150	5	150

- 17 Apabila harga barang X menurun, kuantiti barang Y diminta akan menurun. Apakah kemungkinan barang X dan Barang Y?

	Barang X	Barang Y
A	Kamera	Filem
B	Kereta	Petrol
C	Sukatkhobar	Majalah
D	Mentega	Marjerin

18

**Rajah 1**

Berdasarkan Rajah 1 di atas, apakah faktor yang menyebabkan pergerakan daripada titik R ke titik S?

- A Penurunan harga barang itu
- B Kenaikan pendapatan pengguna
- C Penurunan harga barang penggenap
- D Jangkaan harga akan meningkat pada masa depan

19 Pernyataan yang manakah benar tentang pasaran faktor ?

- A Harga yang dibayar kepada faktor buruh dikenali sebagai upah
- B Hubungan antara kadar upah dan permintaan pasaran buruh ialah positif
- C Pasaran faktor terdiri daripada pasaran buruh , pasasan modal, dan pasaran barang
- D Permintaan pasaran buruh ialah jumlah buruh yang sanggup bekerja pada suatu tingkat upah dalam tempoh masa tertentu

20 Pernyataan yang manakah benar tentang perbezaan antara aliran fizikal dan aliran wang?

	Aliran Fizikal	Aliran Wang
A	Aliran pendapatan faktor pengeluaran dan perbelanjaan isi rumah	Aliran faktor pengeluaran dan barangan
B	Upah, sewa, faedah, untung dan perbelanjaan isi rumah	Tanah, buruh, modal, usahawan, barang – barang dan perkhidmatan
C	Bermula daripada isirumah kepada sektor firma dan seterusnya kepada isirumah semula	Bermula daripada firma kepada sektor isirumah dan seterusnya kepada firma semula
D	Isirumah membelanjakan pendapatan untuk membeli barang-barang dan perkhidmatan	Firma membekalkan barang-barang dan perkhidmatan

- 21 Overdraf merupakan sejenis pinjaman yang membolehkan orang ramai mengeluarkan wang melebihi simpanannya. Institusi kewangan manakah yang mengeluarkannya?
- A CIMB Bank Pasir Mas
 - B Bank Rakyat Kubang Kerian
 - C Syarikat Etiqa Takaful Kota Bharu
 - D Bank Simpanan Nasional Pasir Putih
- 22 Insituti kewangan manakah memperolehi sebahagian besar pendapatan melalui perkhidmatan berasaskan upah?
- A Bank Islam
 - B Bank pusat
 - C Bank saudagar
 - D Bank Perdagangan
- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan satu perkhidmatan bank perdagangan.

Arahan daripada pemegang akaun semasa dan akaun tabungan kepada bank untuk membayar bil-bil atau sejumlah wang tertentu pada apa sahaja amaunnya apabila masa untuk membayar bil tersebut tiba.

- A Draf bank
 - B Debit langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
- 24 Institusi kewangan yang ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1974 dibawah Akta Palimen 146 sebagai institusi tabungan badan berkanun
- A Bank Islam
 - B Tabung Haji
 - C Syarikat insurans
 - D Bank Simpanan Nasional

- 25 Konsep perbankan islam ini merujuk kepada satu kontrak pindah milik harta yang disewa.
- A Murabahah
B Musyarakah
C Bai At Takjiri
D Bai Bithaman Aji
- 26 Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan langkah bank pusat dalam menangani kemelesetan ekonomi?
- A Menurunkan kadar rizab tunai
B Menjual surat jaminan kerajaan
C Menaikan kadar rizab berkanun
D Memendekkan tempoh kredit pinjaman
- 27 Maklumat yang berikut berkaitan dengan hasil keluaran sektor – sektor ekonomi.
- I Sarung tangan
II Biji timah
III Insurans kemalangan
IV Tayar

Keluaran yang manakah merupakan hasil keluaran sektor kedua?

- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV
- 28 Pasangan manakah yang betul tentang perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Pembinaan jalan raya dan empangan	Bantuan rakyat satu malaysia (BRIM)
B	Pemberian biasiswa kepada pelajar univerti tempatan	Projek perumahan rakyat satu malaysia (PRIMA)
C	Bayaran gaji dan elaun kepada guru dan	Bayaran pencen kepada penjawat awam
D	Pembinaan Hospital di Bachok	Pembelian sebuah Kapal Selam

29 Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk sumber pinjaman kerajaan

Merupakan pinjaman jangka pendek yang tempoh matangnya kurang daripada setahun





- A Pinjaman projek
 - B Kredit pembekal
 - C Sekuriti kerajaan
 - D Bil Perbendaharaan
- 30 Apakah kelebihan pinjaman dalam negeri berbanding pinjaman luar negara?
- A Sukar diperolehi
 - B Kadar faedah yang rendah
 - C Dipengaruhi oleh kadar pertukaran asing
 - D Kestabilan nilai ringgit mudah akan terjejas
- 31 Apakah yang dimaksudkan dengan belanjawan lebihan
- A Apabila perbelanjaan kerajaan melebihi hasil kerajaan
 - B Apabila hasil kerajaan melebihi perbelanjaan kerajaan
 - C Apabila apabila cukai tak langsung melebihi cukai langsung
 - D Apabila perbelanjaan mengurus melebihi perbelanjaan pembangunan
- 32 Gambar dibawah berkaitan dengan restoran makanan segera yang terdapat di Malaysia



Cukai manakah yang dikenakan kepada pengguna di restoran makanan segera tersebut?

- A cukai jualan
- B cukai eksias
- C cukai pendapatan
- D cukai perkhidmatan

33 Antara yang berikut yang manakah sumber pinjaman dalam negeri terbesar bagi kerajaan ?

A	
B	
C	
D	

34 Manakah yang merupakan cukai tak langsung ?

- A En Yamin membayar RM2 000 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri
- B Syarikat RBJ membayar cukai sebanyak RM280 000 daripada keuntungan syarikat
- C Puan Mahani dikenakan bayaran tambahan sebanyak 6 % daripada pembelian makan segera di KFC
- D Puan Ruslina dikenakan sejumlah bayaran terhadap dokumen harta yang dipindah milik

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 11
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Objektif penggunaan isi rumah untuk mencapai keuntungan maksimum
 II Isi rumah berperanan membekalkan faktor-faktor pengeluaran.
- 36 1 Pendapatan boleh guna ialah sejumlah pendapatan yang tinggal selepas mengambil kira Potongan – potongan wajib.
 II Potongan wajib terdiri daripada KWSP, zakat, cukai pendapatan dan insurans nyawa.
- 37 I Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 II Keluk permintaan berhubung secara negatif antara harga dengan kuantiti yang diminta
- 38 1 Murabahah merujuk kepada konsep penjualan barang pada harga yang lebih tinggi daripada harga belian dengan persetujuan pelanggan.
 II Murabahan merujuk kepada jenis pembiayaan modal kerja
- 39 I Sumber hasil kerajaan persekutuan terdiri daripada hasil cukai langsung dan hasil bukan Cukai
 II Lesen dan permit merupakan sebahagian daripada hasil cukai langsung yang diterima oleh kerajaan.
- 40 1 Harga barang tidak stabil kerana terlalu bergantung kepada sektor kedua
 II Daya pengeluaran sektor kedua lebih rendah berbanding dengan sektor utama menyebabkan kadar pengangguran dalam negara semakin meningkat.

KERTAS SOALAN TAMAT

